

HADIS TARGHIB DAN TARHIB DALAM MENANGANI ISU PENAGIHAN DADAH

**Rosni Wazir,* Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Saleh,
Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman**

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS), Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author: Rosni Wazir. Faculty of Islamic Civilization Studies,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra,
Selangor, Malaysia. Email: rosni@kuis.edu.my

Abstrak

Pertambahan bilangan penagih dadah dalam masyarakat pada hari ini amat meresahkan meskipun pelbagai pendekatan pencegahan dan pemulihan telah diambil untuk menyelesaikan isu ini. Pendekatan agama merupakan alternatif yang sering dikaji. Ketidakseimbangan di antara kemajuan negara dan kerohanian dalam pembentukan jati diri masyarakat pada hari ini menyebabkan masyarakat terlibat dengan penagihan dadah. Dalam menangani isu berhubung penagihan dadah, peranan agama adalah amat penting khususnya dalam merawat sisi spiritual golongan sebegini. Setiap agama mempunyai kaedah terapi pemulihan dadah tersendiri. Kaedah ini mengurangkan bilangan penagih dadah dalam masyarakat. Hadis nabawi sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam selepas al-Quran mempunyai peranan yang penting dalam menyelesaikan kemelut umat Islam. Justeru, berdasarkan metode kualitatif kepustakaan, artikel ini mengupas isu penyalahgunaan dadah menurut hadis nabawi berdasarkan konsep targhib dan tarhib. Konsep targhib dan tarhib dapat memberikan pandangan yang luas terhadap sesuatu permasalahan kerana konsep ini diaplikasikan oleh Nabi SAW dan meliputi seluruh aspek dakwah baginda. Dapatan artikel ini menunjukkan terdapat beberapa hadis targhib dan tarhib yang sesuai dijadikan pemangkin kepada pemulihan penagih dadah dan panduan buat masyarakat dalam menghadapi isu ini. Oleh yang demikian, menyantuni dan mendekati komuniti penagih dadah berdasarkan bimbingan hadis Nabi Muhammad SAW merupakan suatu langkah berhikmah terhadap golongan ini.

Kata Kunci: *Pemulihan Dadah; Hadis; Rohani; Targhib; Tarhib*

(HADITH TARGHIB AND TARHIB IN MANAGING DRUG ADDICTION PROBLEM)

Abstract

The growing number of drug addicts nowadays is tremendously disturbing despite various preventions and rehabilitation action taken to resolve this issue. Religious approaches in treatment are one of the alternatives that often being studied. The imbalance between nation advancement and spiritual growth has led the public to involve in drug addiction. In addressing the issue of drug addiction, the role of religion is very important especially in healing of the spiritual side of this group. Each religion has its own drug rehabilitation therapy. This method reduces the number of drug addicts in society. The hadith as the second reference in Islam after the Quran played an important role in solving problems of Muslims. Hence, based on the qualitative method of literature, this article examines the drug abuse recovery approaches according to the narrated hadith based on the concept of targhib and tarhib. The concept of targhib and tarhib can give a broad view of problems as Prophet (PBUH) applied these approaches and cover all aspects of his preaching. The findings show that some targhib and tarhib hadith are suitable as catalyst recovery for the drug addicts and as guidance for the community. Therefore, to support and approach the drug addict community based on the Prophet Muhammad's (PBUH) guidance is wise step towards this community.

Keywords: Drug Rehabilitation; Hadith; Spiritual; Targhib; Tarhib

Received: March 19, 2019

Accepted: May 12, 2019

Online Published: June 30, 2019

1. Pendahuluan

Isu penagihan dadah umpama barah dalam masyarakat yang semakin parah bermula pada awal tahun 1970-an. Sehingga hari ini ia masih belum dapat diatasi malah bertambah rumit dan kritikal. Sehingga kini, tidak ada vaksin atau ubat yang benar-benar mampu untuk memulihkan penagihan dadah (Kearney, et. al., 2019).

Menurut data daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) statistik penagih dadah adalah semakin bertambah semenjak 2013 sehingga 2017. Paling merisaukan, statistik yang dikeluarkan oleh AADK menunjukkan penagih Melayu mendominasi sehingga 80.84% berbanding bangsa lain. Pada tahun 2013 jumlah penagih Melayu adalah 16,092 orang (77.04%) dan melonjak kepada 20,956 orang (80.84%) pada 2017. Malah, adalah tidak sepatutnya sebagai orang Islam kerana peratusan dari bangsa lain seperti Cina dan India menunjukkan penurunan, masing-masing dari 9.95% kepada 7.51% dan 9.46% kepada 6.79%. Sekiranya diteliti daripada statistik pada tahun 2017, penagih berulang di kalangan orang Melayu juga adalah tertinggi iaitu sebanyak 79.11% berbanding Cina dan India, masing-masing 9.77% dan 9.81% (Anon, 2018). Statistik ini menunjukkan satu tanda yang amat membimbangkan. Jika keadaan malapetaka penagihan dadah ini berterusan ia akan mengancam kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara (Ali, 2009).

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) adalah sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang menguruskan hal-hal berkaitan penyalahgunaan dadah di Malaysia. AADK merupakan agensi utama yang memainkan peranan dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan negara Malaysia yang bebas daripada ancaman dadah menjelang tahun 2015 atau tahun sifar dadah. Oleh itu, AADK telah memperkenalkan

program transformasi dengan matlamat dan lonjakan yang lebih besar dalam menangani isu penagihan dadah ini, malah dengan perbelanjaan yang lebih banyak iaitu melebihi RM300 juta setahun. Proses pemulihan dadah juga melibatkan Pemulihan Dalam Institusi seperti Pusat Integrasi Klien (PIK), Cure & Care Services Centre (CCSC) dan Caring Community House (CCH). Ia juga melibatkan perkhidmatan Pemulihan Dalam Komuniti yang dilaksanakan oleh Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure & Care 1Malaysia (C&C) (Anon, 2016).

Kaedah dan rawatan yang berasaskan ajaran Islam sudah diterapkan dalam sebahagian rawatan oleh AADK. Sebagai contoh, perkhidmatan Program Kerohanian dan Keagamaan di Caring Community House (CCH). Rawatan yang berasaskan ajaran Islam seperti taubat, kemudian diteruskan dengan solat, zikir, wuduk, usrah, kelas-kelas pengajian dan kuliah, bimbingan al-Quran dan fardhu ain, malah ada yang menggabungkannya dengan kaedah tasawuf (Talib & Abdollahi, 2017). Peranan agama dalam mengisi sisi spiritual individu, menguatkan jati diri dan mengembalikan keyakinan semestinya tidak dapat dinafikan. Tidak dapat disangkal lagi pusat-pusat pemulihan dadah yang mengambil pendekatan terapi psikospiritual Islam ini telah berjaya memulihkan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian (Jailani, 2015).

Oleh kerana peranan agama dalam menangani isu ini mula menunjukkan kesan positif, penulisan ini akan mengupas isu penyalahgunaan dadah menurut prespektif hadis, iaitu sumber kedua agama Islam selepas al-Quran. Hal ini bertepatan dengan kedudukan hadis Nabi SAW dan sunnah Baginda sebagai sumber dan punca kekuatan umat Islam (al-Ghazali, 2005). Tambahan pula, hadis mempunyai nilai kerohanian yang tinggi dan sesuai diimplementasi dalam menangani masalah masyarakat (Wazir, 2018). Islam sebagai agama yang meliputi seluruh ruang lingkup kehidupan penganutnya telah menetapkan peraturan, tatacara dan piawai dalam kehidupan seharian. Setiap perlakuan mempunyai kedudukannya di sisi syarak berasaskan konsep hikmah serta *tarhib* dan *tarhib* (al-Haithami, 1994). Penulisan ini diharapkan dapat memberi pemahaman isu dadah berdasarkan prespektif hadis serta penjelasan bagaimana hadis berinteraksi dengan isu ini berdasarkan pendekatan Nabi SAW.

2. Definisi Dadah

Ketiadaan istilah dadah yang seragam dan jelas dalam Bahasa Malaysia telah menimbulkan ketidakfahaman dan kekeliruan di kalangan masyarakat mengenai makna dan penggunaan istilah 'dadah' dengan betul (Taib, 2005). Istilah '*drug*' dalam Bahasa Inggeris mempunyai takrif yang neutral, luas dan umum. Penggunaan istilah '*drug*' ini perlu digunakan bersama '*use*', '*misuse*' atau '*abuse*' untuk menggambarkan keadaan penggunaan yang berbeza-beza. Ini berbeza dengan istilah 'dadah' dalam Bahasa Malaysia yang mempunyai takrif yang lebih khusus iaitu menggambarkan sesuatu yang jijik dan mesti dijauhi. Ia tidak digunakan bersama perkataan 'penyalahgunaan' yang lazim digunakan. Perkataan 'penyalahgunaan' adalah bermaksud berlebihan jika digandingkan bersama perkataan dadah (Taib, 2005).

Dadah merupakan suatu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkahlaku pengguna apabila digunakan. Dadah dimasukkan ke dalam tubuh badan secara disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan serta boleh mengubah fungsi tubuh badan seseorang atau organisma dari segi fizikal atau mental (Ruslan, 2009). Akibat daripada kesan ini, seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan mengakibatkan ketagihan. Seseorang penagih sanggup menggadai maruah serta memperhambakan diri kepada sesiapa sahaja asalkan bekalan dadahnya terjamin. Kesannya, ramai yang sanggup mengemis dan menggadaikan diri.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Baharom, et. al., 2005), dadah ialah bahan yang digunakan untuk ubat-ubatan atau bahan (biasanya yang mengetagihkan) yang digunakan sebagai ubat tidur dan dapat menyebabkan khayal atau tidak sedarkan diri serta membahayakan diri. Secara umum, dadah merupakan bahan kimia psikoaktif yang mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat iaitu otak dan saraf tunjang, digunakan bukan untuk tujuan perubatan dan penggunaannya adalah dilarang, diperolehi secara haram, membawa kepada penggantungan fizikal dan psikologikal serta mendatangkan kesan buruk ke atas kesihatan diri dan fungsi sosial (Mohamed, 2006).

Walaupun dadah yang dikenali umum terdiri daripada heroin, morfin dan ganja, pada hakikatnya ia merangkumi juga semua bahan yang boleh memberi kesan seperti yang dinyatakan (Taib, 2005). Oleh itu, sesetengah ubat-ubatan jika tidak digunakan mengikut peraturan dan sukatan yang betul boleh memberi kesan negatif yang sama seperti dadah. Dadah mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat individu, memberi kesan pada fizikal, emosi dan mental serta sosial.

3. Kedudukan Dadah Menurut Prespektif Hadis

Peranan hadis dalam melengkapi al-Quran sudah diketahui umum, iaitu tidak mungkin al-Quran dapat difahami tanpa melihat kepada hadis (al-Qaradawi, 2002). Tidak terdapat hukum atau larangan secara jelas daripada al-Quran atau hadis Rasulullah SAW terhadap penyalagunaan dadah. Hal ini kerana dadah belum lagi wujud pada zaman tersebut. Dadah mula dikenalkan kepada dunia oleh kerajaan Tatar dari timur (Makhluf, 1951).

Secara umum, Islam melarang setiap muslim mendekati perbuatan-perbuatan yang keji dan merosakkan diri. Islam sentiasa memuliakan umatnya dan menganjurkan kehidupan yang sejahtera, maka larangan-larangan yang keras telah dimeterikan supaya setiap individu tidak terjebak dalam kebinasaan (al-Qaradawi, 1997). Dadah di dalam Islam menyamai istilah *khamr* yang digunakan untuk semua bahan yang memabukkan, mengkhayalkan, menjadi punca penagihan, pergantungan, perubahan tingkah laku dan sebagainya. Perubahan ini berhubung rapat dengan fungsi akal yang tidak dapat berjalan secara sempurna. Perkataan *khamr* berasal daripada perkataan *yakhmur*, maksudnya menutup, menyembunyi atau melindungi. Oleh itu *khamr* merujuk secara meluas kepada fungsi kehidupan atau biologi sesuatu bahan yang boleh menutup, menyembunyi atau menghilangkan fungsi yang biasa dialami oleh seseorang yang normal. Dalam hal ini dikaitkan khusus dengan keadaan fikiran dan akal (Abdul Razak, 1998). Dari ‘Abd Allah Ibn Umar, Nabi Muhammad SAW bersabda:

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

[Muslim, *Kitab al-Ashribah, Bab Bayan Anna Kulli Muskir Khamr*, no. 2003]

Maksudnya:

Setiap yang memabukkan itu khamr dan setiap yang memabukkan itu haram.

Maksud ayat “*setiap yang memabukkan itu haram*” ialah pengharaman setiap yang memabukkan walaupun bukan dengan cara minuman. Oleh itu, termasuk di dalam kategori ini pengambilan ganja dan sebagainya dalam apa cara sekalipun. Perbuatan ini termasuk dalam dosa besar kerana menyamai arak pada berkhayal serta mempunyai kesan ketagihan (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2014). Jumhur ulama berpandangan *al-Hasyiyah* atau ganja [dikategorikan sebagai dadah menurut AADK (Anon, 2016)] ialah najis yang haram, tidak ada beza pada kandungannya yang sedikit mahupun banyak, sama ada menghilangkan fungsi akal ataupun tidak. Setiap yang berpotensi menghilangkan fungsi akal adalah haram biarpun

ia tidak menyebabkan berkhayal dan halusinasi. Hal ini bertepatan hukumnya seperti arak yang tetap haram diminum walaupun dengan minuman itu peminum tidak mabuk (Ibn Taimiyyah, 2005).

Islam menyadari pentingnya akal fikiran bagi diri seseorang dalam menjalankan aktiviti individu mahupun sosial. Imam Al-Ghazali (w. 505H) merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang masyhur, di dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, telah menyebut: “Ketahuilah bahawa badan manusia itu seperti sebuah kota. Akal manusia itu adalah sebagai raja yang menguruskan hal-ehwal kota itu. Pancaindera zahir dan batin umpama tentera-tentera dan pegawai-pegawainya. Seluruh anggota badannya itu seperti rakyatnya. Nafsu serta syahwatnya dan kemarahannya adalah sebagai musuh yang bertarung untuk menguasai kerajaannya itu dan untuk merosakkan rakyatnya.” (al-Ghazali, 2005).

Melalui akal fikiran seseorang menentukan haluan dan pertimbangan. Akal fikiran dalam erti kata sepenuhnya dapat membimbing seseorang ke arah jalan yang betul. Oleh itu, manusia dikatakan terbentuk menjadi ‘imej yang paling mulia’ (Al-Qurtubi, 1964), sepertimana firman Allah dalam surah *al-Tin* ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ ①

Maksudnya:

Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

Islam merupakan agama yang mementingkan kesejahteraan dalam segenap aspek. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA:

لا ضَرَرَ ولا ضِرَارَ

[Ahmad, *Musnad Bani Hashim*, No. 2865, sahih]

Maksudnya:

Tidak memudaratkan dan tidak mendatangkan mudarat

Hadis ini jelas menyatakan panduan penting buat umat Islam iaitu kepentingan menghilangkan mudarat. Mudarat yang dibawa oleh dadah sangat besar, memudaratkan penggunaannya dan orang lain (al-Zuhaili, 2006). Dadah memberi impak buruk kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Hal ini juga sepertimana yang dinaskan oleh al-Imam al-Ghazali (1993) di dalam kitabnya *al-Mustasfa* yang menyatakan bahawa setiap benda yang memabukkan dari yang diminum dan dimakan daripadanya adalah haram, diqiyaskan hukumnya ke atas arak. Ini kerana pengharamannya adalah untuk menjaga akal (*hifz al-'aql*) yang merupakan tempat pertimbangan. Pengharaman syarak ke atas arak menunjukkan perhatian yang diberikan kepada *maslahah* (kebaikan).

Fatwa yang dikeluarkan oleh Bekas Mufti Mesir, Syeikh Hasanin Makhluaf (1951) menyatakan bahawa dadah adalah haram hukumnya dari segi penggunaan, pemberian dan membuat jualan perniagaan. Manakala, Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat yang ke-128 yang diadakan pada 24 Februari 1983 setelah menimbang pendapat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Ehwal Agama Islam telah membuat keputusan (Anon, 2015):

“Sebarang penyalahgunaan, termasuk penyalahgunaan dadah, hukumnya di sisi syarak adalah haram dan dengan itu adalah ditegah sama sekali dan dadah hanya boleh digunakan untuk tujuan perubatan yang sah mengikut syarak.”

Penagihan dadah telah diklasifikasikan sebagai satu penyakit kronik dan mudah relaps, yang memberi kesan langsung kepada sistem saraf pusat manusia (otak) (Anon, 2017). Pengguna yang bergantung kepada dadah sepenuhnya sukar untuk dipulihkan dan akan mudah terjerumus kembali dalam penagihan pada bila-bila masa selepas menjalani rawatan dan pemulihan, atau semasa berada dalam kepulihan. Keadaan ini disebabkan oleh ketidakupayaan mereka untuk bertindak terhadap situasi-situasi berisiko tinggi, dari segi pemikiran, perasaan, dan tingkah laku yang dihadapi oleh mereka semasa melalui proses kepulihan. Kesan penagihan dadah ini bukan sahaja terhad kepada penggunaannya bahkan keluarga dan masyarakat sekeliling turut terkena tempiasnya. Penagih menjadi beban kepada keluarga kerana terpaksa menghabiskan masa, tenaga dan wang yang banyak untuk merawatnya serta rumah tangga akan menjadi porak peranda. Selain itu, suasana hidup dalam masyarakat tidak lagi tenteram kerana terdapatnya kejadian mencuri, merompak dan lain-lain yang dilakukan oleh penagih-penagih yang memerlukan wang untuk membeli dadah (Abdul Kadir, Paad, & Abd. Ghapar, 2013). Oleh itu, berdasarkan dalil-dalil dan pandangan para sarjana Islam berkenaan hal ini, jelaslah bahawa kedudukan dadah di sisi Islam adalah haram dan lebih berat berbanding arak.

4. Punca Penagihan Dadah dan Peranan Islam

Dadah masih menjadi musuh nombor satu negara (Anon, 2018). Dalam usaha membasmi masalah dadah dalam negara, Malaysia tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran, yang secara langsung mempengaruhi pencapaian matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara bebas dadah. Terdapat keperluan besar untuk meneliti punca penagihan dadah terutamanya setelah berjuta-juta ringgit telah dihabiskan untuk memerangnya namun tidak berhasil menghapuskannya (Ali, Hassan, & Karim, 2008).

Sebahagian besar penagih di Pusat Serenti menagih dadah kerana terpengaruh dengan rakan dengan pelbagai ajakan dan pujukan lalu terjebak dalam kancas penagihan dadah yang tiada pengubatan sehingga menjadi penagih berulang yang tiada nokhtahnya. Manakala faktor dan sikap ingin mencuba, kurang ketahanan diri dan kurang didikan agama turut mendorong kepada penagihan dadah (Johdi Salleh, 2012).

Menurut kajian, faktor diri sendiri adalah faktor utama yang memberi kesan paling kuat terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia (Tunggak, et. al., 2015). Ia diikuti oleh faktor rakan sebaya, faktor aktiviti keagamaan dan faktor media massa. Oleh itu, jika diri sendiri tidak dapat dikawal, maka faktor lain seperti keluarga, rakan sebaya dan persekitaran menjadi penyumbang kepada risiko penyalahgunaan dadah. Kajian ini juga menegaskan program pendidikan agama yang terancang perlu dilaksanakan di pusat pemulihan supaya memberi kesan yang bermakna untuk memulihkan pelatih dadah. Penghayatan terhadap amalan kerohanian merupakan terapi penting untuk menjauhkan seseorang daripada terjerumus dalam penyalahgunaan dadah (Hussin, et. al., 2008).

Seterusnya, terdapat juga kajian yang mendapati kurangnya keyakinan diri dan jati diri yang lemah merupakan faktor penagihan dadah yang dikenal pasti (Noor & Kamarudin, 2015). Melalui temubual yang diadakan terhadap beberapa orang bekas penagih dan yang masih mengikuti sesi kaunseling yang diberikan, menunjukkan bahawa mereka mempunyai ciri keperibadian tidak agresif, pendiam, melarikan diri, buat tak endah dan tidak respons balik. Kesemua ini berkait dengan keyakinan diri yang rendah (Noor & Kamarudin, 2015). Kajian ini juga menyokong pendekatan yang dilakukan oleh Pengasih melalui program penghayatan kerohanian seperti majlis taklim dengan pembacaan hadis-hadis dan buku-buku ilmiah, solat berjemaah dan program tazkirah yang dapat memulihkan kerohanian dan membina keyakinan diri. Hal ini turut disokong oleh Ibrahim, et. al. (2017).

Di samping itu, terdapat juga kajian yang menyatakan pengabaian kepada perkara agama merupakan punca kepada masalah salah laku remaja (Abdul Kadir, Paad, & Abd. Ghapar, 2013). Dalam menangani dadah, golongan remaja perlulah menjadi fokus utama. Ini kerana Kajian Yayasan Perlindungan Jenayah Malaysia mendapati, kebanyakan penagih dadah di negara ini mula mengenali dadah dalam lingkungan usia 13 – 15 tahun dan 71 % daripada penagih baru terdiri daripada golongan muda antara 19 – 39 tahun. Penghayatan dan amalan agama dapat membentuk keperibadian yang mulia, jati diri yang kuat dan penghargaan diri yang tinggi yang dapat membentuk faktor pelindung yang tinggi.

Tambahan pula, kerohanian yang rapuh merupakan faktor utama penagihan dadah (Taharem, 2004). Penagihan dadah merupakan penyakit kerohanian oleh itu ianya tidak dapat diubati dengan ubat-ubatan atau sebarang perkara material. Penyakit rohani hanya boleh dirawat dengan kerohanian iaitu dengan seseorang itu bertaubat dan memohon maaf, meningkatkan penghayatan dan keimanan kepada Allah, melaksanakan ibadah fardu dan sunnat serta melazimi zikir dan istighfar supaya dapat membentuk ketahanan diri yang kuat.

Berdasarkan kajian yang dikemukakan dapat disimpulkan bahawa kerohanian yang rapuh menjadi punca penagihan dadah berlaku. Menyedari faktor ini, suatu terapi yang menerapkan elemen kerohanian Islam iaitu terapi psikospiritual Islam telah diperkenalkan. Terapi psikospiritual Islam ialah satu kaedah perawatan kejiwaan dan kerohanian yang berteraskan kepada sumber-sumber ketuhanan dan amalan-amalan Islam yang bersumberkan al-Quran, Sunnah dan amalan para salaf yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah (Jailani, 2015). Terapi Psikospiritual Islam ini pada dasarnya adalah untuk mengembalikan, memulihkan, menguatkan aspek-aspek kerohanian seseorang insan sehingga ianya mampu menjadi penawar secara fitrah dan semulajadi (natural).

Pendekatan psikospiritual ini juga dapat dilihat melalui kerjasama antara agensi kerajaan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan agensi peneraju pengurusan hal ehwal Islam di dalam negara yang telah memainkan peranan dalam menangani isu ini melalui pendekatan agama. Program terhadap golongan penagih dadah oleh JAKIM telah bermula sebelum tahun 2009 lagi. Ia dilaksanakan dengan kerjasama bersama AADK yang menyediakan para peserta di kalangan penagih dadah di bawah seliaan mereka. Melalui kerjasama ini pelbagai program dan pengisian dirangka, seperti: *Program Rakan Setia Masjid (RSM)*, *Rakan Setia Komuniti (RSK)*, dan *Program Islah Remaja Permata Dunia*. Pengisian paling utama adalah penekanan terhadap aspek kesedaran kerohanian oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Di antara pengisiannya termasuklah bimbingan solat, bengkel fardu ain, tazkirah selepas solat, *qiamullail* serta muhasabah diri. Berdasarkan respon dari para peserta, mereka mengakui dapat membina semula keyakinan diri, membetulkan salah faham terhadap Islam yang selama ini dianggap bersifat menghukum kepada golongan yang melakukan kesalahan, mengingati dan menghayati semula asas agama seperti solat dan fardu ain serta mendapat keinsafan diri (Yusof & Saadon, 2015)

Kaedah dan rawatan yang berasaskan ajaran Islam sudah diterapkan dalam sebahagian rawatan oleh AADK. Sebagai contoh, perkhidmatan *Program Kerohanian dan Keagamaan* di *Caring Community House (CCH)*. Rawatan yang berasaskan ajaran Islam seperti taubat, kemudian diteruskan dengan solat, zikir, wuduk, usrah, kelas-kelas pengajian dan kuliah, bimbingan al-Quran dan fardhu ain, malah ada yang menggabungkannya dengan kaedah tasawuf. Salah satu program rawatan pemulihan yang baru diperkenalkan oleh AADK merupakan program rawatan Inabah menggunakan *Modul Islamic Spiritual Rehabilitation Approach (ISRA)* yang bertujuan untuk mengubati masalah ketidakstabilan jiwa dengan rawatan yang berunsurkan amalan kerohanian (Anon, 2017). Pendekatan ISRA merupakan satu pendekatan psikospiritual yang mengintegrasikan Model Inabah dan Model

Psikososial yang dibangunkan bagi menyediakan program dan aktiviti rawatan dan pemulihan dadah berteraskan kerohanian Islam.

Peranan agama dalam mengisi sisi spiritual individu, menguatkan jati diri dan mengembalikan keyakinan semestinya tidak dapat dinafikan. Tidak dapat disangkal lagi pusat-pusat pemulihan dadah yang mengambil pendekatan terapi psikospiritual Islam ini telah berjaya memulihkan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian (Jailani, 2015). Dalam mendalami elemen kerohanian Islam yang mempunyai peranan yang besar ini, kajian ini akan menerangkan bagaimana konsep kerohanian yang diterapkan dalam Islam melalui hadis Nabi SAW.

5. Interaksi Hadis Terhadap Penagih Dadah

Islam sentiasa membuka seluas-luasnya pintu taubat terhadap mereka yang terlanjur agar kembali ke jalan yang lurus. Nabi SAW selaku penyampai wahyu, sentiasa memberi kepercayaan dan harapan agar golongan ini bangkit dari kejatuhan kepada keampunan dan kasih sayang Allah SWT. Sabda Nabi SAW:

كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

[Al-Tirmidhi, *Kitab Sifat al-Qiyamah wal Raqaiq*, bab *Maa Ja'aa fi Sifat Awami al-Haudh*, No. 2499, *gharib*]

Maksudnya:

Kesemua anak Adam melakukan kesalahan. Sebaik-baik yang melakukan kesalahan adalah mereka yang bertaubat.

Sekiranya seseorang itu sudah bertaubat dengan memohon keampunan kepada Allah dengan sebenar-benarnya, menyesal, berazam tidak akan mengulangi dan memohon maaf jika kesalahan melibatkan pihak yang lain, maka pengampunannya terletak di sisi Allah SWT yang Maha Pengampun (al-Munzir, 2003). Tidak wajar seseorang menyakitinya dengan memulau, menyindir dan mengungkit dosa silamnya. Hal ini akan menyebabkan proses taubat dan pemulihan seseorang tidak berjaya. Sebaliknya, Islam mengajar umatnya agar saling tolong menolong ke arah kebaikan. Firman Allah SWT dalam Surah *al-Maidah* ayat 2:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْلُوا شَعْتِيرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا ءَأَمِينَ النَّبِيِّتِ الْحَرَامَ بَيْنَهُنَّ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاَنُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Mekah untuk korban) dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haram, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadat Haji di Tanah Suci) dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari

Masjidilharam itu, mendorong kamu menceroboh dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Dengan begitu, memberi sokongan dengan menerima golongan sebegini agar mereka pulih adalah sebahagian daripada perkara kebaikan dan takwa. Menurut kajian lainnya, antara punca penagih dadah berulang adalah kerana masyarakat tidak menerima mereka. Hal ini bercanggah dengan prinsip yang dibawa oleh Nabi SAW dalam menyantuni golongan sebegini. Mereka yang melakukan kesalahan tidak boleh dicerca dan dihina, kerana Islam melarang perbuatan ini (Mohamed, Din, & Ishaq, 1999). Sebuah hadis yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari (810-870) Rahimahullah daripada Abu Hurairah RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَجُلٍ قَدْ شَرِبَ، قَالَ: «اضْرِبُوهُ» قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: فَعَمْنَا الضَّارِبُ بِيَدِهِ، وَالضَّارِبُ بِنَعْلِهِ، وَالضَّارِبُ بِثَوْبِهِ، فَلَمَّا انصَرَفَ، قَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ: أَخْزَاكَ اللَّهُ، قَالَ: «لَا تَقُولُوا هَكَذَا، لَا تُعِينُوا عَلَيْهِ الشَّيْطَانَ

[Al-Bukhari, *Kitab al-Hudud, bab al-Darb bi al-Jarid wa al-Ni'al*, no. 6777]

Maksudnya:

Pada suatu hari telah didatangkan kepada Nabi SAW lelaki yang telah meminum arak. Lalu Nabi SAW bersabda: “Pukullah dia.” Berkata Abu Hurairah: “Daripada kami ada yang memukul dengan tangan, memukul dengan selipar dan memukul dengan pakaian. Sesudah selesai hukuman datanglah beberapa kaum lantas berkata: “Engkau telah dimalukan Allah”. Nabi SAW lantas bersabda: “Jangan berkata begitu. Janganlah menolong syaitan dalam hal ini”.

Dalam riwayat yang lain Nabi SAW bersabda dalam hadis sahih:

وَلَكِنْ قُولُوا: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ

[Abu Dawud, *Kitab al-Hudud, Bab al-Had fi al-Khamr*, no. 4478]

Maksudnya:

Tetapi katakanlah “Ya Allah ampunkanlah dia, Ya Allah rahmatilah dia”.

Riwayat ini jelas menerangkan bagaimana Nabi SAW mengajar umatnya berhadapan dengan pesalah. Islam memandang pesalah dengan pandangan rahmat dan harapan, bahkan di dalam riwayat ini dianjurkan pula mendoakan kebaikan kepada mereka. Hukuman yang dijalankan pula adalah sebagai peringatan kepada masyarakat dan memulihkan pesalah. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW telah bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ مَ تَذُنُّوا لَدَهَبَ اللَّهُ بِكُمْ، وَجَاءَ بِقَوْمٍ يُذُنُّونَ، فَيَسْتَغْفِرُونَ اللَّهَ فَيَغْفِرُ لَهُمْ

[Muslim, *Kitab al-Riqaq, Bab Suqat al-Dhunub* No. 2749]

Maksudnya:

Demi Allah yang diriku dalam gengamanNya, jika kamu tidak berdosa nescaya Allah SWT akan hapuskan kamu, dan didatangkan dengan kaum yang melakukan dosa. Supaya mereka meminta ampun kepada Allah SWT, lalu Allah SWT memberikan keampunan untuk mereka.

Hadis ini menjelaskan perbuatan dosa dan kesilapan adalah tanda keampunan dan rahmat Allah SWT jika sesudah itu seseorang itu menyesal dan memohon kemaafan daripada Allah SWT. Hal ini kerana perbuatan dosa mengesahkan sifat Allah SWT selaku yang Maha Pengampun. Kesilapan dan dosa bukanlah faktor yang menyebabkan seseorang harus dipulaukan masyarakat dan jauh dari rahmat Allah SWT. Sungguhpun begitu, perbuatan dosa tidak boleh dipandang rendah dan dianggap remeh sebagaimana telah terdapat ancaman yang pedih kepada mereka yang mengambil mudah dalam melakukan dosa. Hadis ini ingin menekankan sifat keampunan Allah SWT serta galakan Islam kepada pendosa agar jangan berputus asa daripada rahmat Allah SWT (al-Haithami, 1994). Firman Allah SWT dalam Surah *al-Zumar* ayat 53:

قُلْ يٰعِبَادِىَ الَّذِينَ اَسْرَفُوْا عَلٰۤى اَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوْا مِنْ رَّحْمَةِ اللّٰهِ اِنَّ اللّٰهَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ جَمِيْعًا اِنَّهٗ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ ﴿٥٣﴾

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Penagihan dadah menyebabkan hilang kewarasan dan pertimbangan serta pergantungan sepenuhnya kepada dadah untuk terus hidup. Kesan penagihan ini semestinya mengakibatkan kesan negatif kepada orang di sekeliling mereka (Johdi Salleh, 2012). Namun sebagai umat Nabi Muhammad SAW sayugia kita menghayati teladan daripada baginda yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah Ibn Abbas bahawa Rasulullah SAW telah bersabda ketika pembukaan kota Mekah dalam hadis yang sah:

مَنْ دَخَلَ دَارَ اَبِي سَفِيَانَ فَهُوَ اَمِيْنٌ، وَمَنْ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَهُوَ اَمِيْنٌ، وَمَنْ اَغْلَقَ بَابَهٗ فَهُوَ اَمِيْنٌ.

[Abu Dawud, *Kitab al-Kharraj wa Ijarah, Bab Ma Ja'a fi Khabr Makkah*, No. 3022]

Maksudnya:

Sesiapa yang memasuki rumah Abu Sufyan maka dia akan selamat, sesiapa yang menutup pintu maka dia akan selamat, sesiapa yang memasuki masjid maka dia akan selamat.

Berdasarkan hadis ini jelas teladan melalui kepimpinan yang ditonjolkan melalui arahan Nabi SAW. Abu Sufyan merupakan ketua kabilah musyrikin Quraisy ketika itu dan telah memimpin pelbagai siri peperangan menentang orang Islam. Mereka telah mengekang dakwah dan mengakibatkan kerugian harta dan nyawa kepada dunia Islam. Namun, ketika Abu Sufyan menyerah diri dan mengisytiharkan keislamannya, Nabi SAW telah memberikannya kemaafan dan mengangkat martabat beliau. Penerimaan sebegini tidak hanya berlaku terhadap Abu Sufyan bahkan turut berlaku ketika penerimaan Umar ibn al-

Khattab dan Ikrimah Ibn Abu Jahal. Peristiwa ini mengajar umat Islam supaya bersifat pemaaf dan memandang ke hadapan dalam membina masyarakat (al-Ghazali, 1965).

Berdasarkan hadis beserta keterangan yang dibawa jelas menerangkan bagaimana interaksi Nabi SAW terhadap pesalah. Pesalah perlulah dilihat dengan pandangan harapan dan pemulihan. Perkara ini merupakan tuntutan agama selain membantu pesalah untuk bangkit dari bayangan kesalahan lampau dan menjadi lebih baik. Minda positif inilah yang ingin diterapkan oleh Nabi SAW kepada pesalah ini (al-Ghazali, 1965). Tidak dinafikan penagih dadah mempunyai imej yang jelik di sisi masyarakat dan memberikan impak yang buruk terhadap sekelilingnya. Namun, jika sokongan sosial tidak diberikan sewaktu sebelum, semasa dan selepas proses pemulihan, usaha ini akan sia-sia. Kesannya, setiap lapisan masyarakat akan menanggung akibat daripada kegagalan pemulihan penagih dadah dengan pertambahan bilangan penagih serta krisis sosial yang merebak.

6. *Tarhib* dan *Tarhib* Dalam Isu Penagihan Dadah

Keseimbangan adalah sendi agama Islam. Nabi SAW mengutamakan bersederhana dalam berdakwah, gaya kehidupan mahupun dalam penetapan sesuatu hukum. Abdullah ibn Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang sahih:

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا كُمْ وَالْعُلُوُّ فِي الدِّينِ، فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ

[Ibn Majah, *Kitab al-Manasik*, bab *ma Qadr Hirs Ruma*, hadis no. 3029]

Maksudnya:

Wahai manusia, berjaga-jagalah kamu akan melampau dalam agama. Sesungguhnya ia telah membinasakan kaum sebelum kamu.

Konsep *tarhib* dan *tarhib* dalam berdakwah telah diterapkan dalam dakwah Nabi Muhammad SAW seterusnya diamalkan oleh sahabat baginda dan generasi selepas itu. Pendekatan ini dapat dilihat melalui al-Quran dan hadis. *Tarhib* bermaksud galakan supaya melakukan suruhan Allah SWT dengan balasan ganjaran atau kelebihan yang menggembirakan sama ada di dunia mahupun di akhirat. *Tarhib* pula bermaksud ancaman yang menggerunkan berupa kerugian atau azab di dunia dan akhirat ('Abd al-'Aziz, 1996). Konsep *tarhib* dan *tarhib* saling melengkapi, tidak boleh memilih suatu pendekatan melebihi yang lain. Akibatnya, mereka yang menerima dakwah tidak akan terbentuk mengikut acuan yang seimbang.

Menangani penagihan dadah melalui pendekatan agama telah terbukti berkesan (Jailani, 2015). Islam sebagai agama yang lengkap mempunyai peranan yang besar dalam hal ini. Penagih dadah merupakan golongan yang wajib didekati. Mereka memerlukan bimbingan, motivasi dan kaunseling dalam proses untuk pulih daripada ketagihan.

Konsep *tarhib* dan *tarhib* dapat memberikan pandangan yang luas terhadap sesuatu permasalahan ('Abd al-'Aziz, 1996). Hal ini kerana *tarhib* dan *tarhib* diaplikasikan oleh Nabi SAW dan meliputi seluruh aspek dakwah Nabi SAW. Sehubungan dengan itu, telah diriwayatkan pelbagai hadis tentang galakan Nabi SAW kepada mereka yang terlanjur melakukan dosa supaya meninggalkan dosa, bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asya'ari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَبْسُطُ يَدَهُ بِاللَّيْلِ لِيُتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ، وَيَبْسُطُ يَدَهُ بِالنَّهَارِ لِيُتُوبَ مُسِيءُ اللَّيْلِ

[Muslim, *Kitab al-Tawbah*, bab *Qabul al-Tawbah Min Dhunub*, No. 2759]

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah yang Maha Agung melapangkan tanganNya pada waktu malam, mengampunkan dosa di sebelah pagi dan melapangkan tanganNya di sebelah pagi, mengampunkan dosa di sebelah malam”

Riwayat ini menerangkan keluasan rahmat Allah SWT kepada hambaNya dalam menerima tawbat. Pesalah di dalam Islam sentiasa diberi peluang dan dipandang secara positif. Selain itu, diriwayatkan oleh Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ ابْنِ آدَمَ حَطَّاءٌ ، وَخَيْرُ الحَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

[Al-Tirmidhi, *Kitab Sifat al-Qiyamah wal Raqa'iq*, bab *Maa Ja'a fi Sifat Awani al-Hawdh*, No. 2499, *gharib*]

Maksudnya:

Kesemua anak Adam melakukan kesalahan. Sebaik-baik yang melakukan kesalahan adalah mereka yang bertaubat.

Hadis ini menerangkan adalah perkara normal jika seseorang melakukan kesalahan dan dosa. Namun perbuatan itu hendaklah diiringi dengan taubat kerana mereka yang bertaubat adalah sebaik-baik manusia (al-Albani, 2000). Keampunan Allah SWT tidak terhingga dan merupakan manifestasi sifatNya sebagai Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Sabda Nabi SAW dalam hadis qudsi:

يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ

[Al-Tirmidhi, *Kitab al-Dakwaat*, Bab *fi Fadl al-Tawbah wal Istighfar*. No. 3540, *hasan gharib*]

Maksudnya:

Wahai Bani Adam, jika dosa kalian setinggi langit, kemudian kamu memohon ampun kepada aku, nescaya aku akan ampunkan kalian.

Selain itu, apabila seseorang memohon keampunan daripada Allah SWT berkali-kali disebabkan dosanya dia akan berasa kecewa dan malu akan pengulangan dosanya. Namun ajaran Islam sentiasa memberi harapan dan galakan supaya umatnya tidak berputus asa dalam mengecapi kebaikan, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ عَبْدًا أَصَابَ ذَنْبًا - وَرُبَّمَا قَالَ أَذْنَبَ ذَنْبًا - فَقَالَ: رَبِّ أَذْنَبْتُ - وَرُبَّمَا قَالَ: أَصَبْتُ - فَأَعْفِرْ لِي، فَقَالَ رَبُّهُ: أَعْلِمَ عَبْدِي أَنَّ لَهُ رَبًّا يَعْفِرُ الذَّنْبَ وَيَأْخُذُ بِهِ؟ عَفَرْتُ لِعَبْدِي، ثُمَّ مَكَتَ مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ أَصَابَ ذَنْبًا، أَوْ أَذْنَبَ ذَنْبًا، فَقَالَ: رَبِّ أَذْنَبْتُ - أَوْ أَصَبْتُ - آخِرَ، فَأَعْفِرْهُ؟ فَقَالَ: أَعْلِمَ عَبْدِي أَنَّ لَهُ رَبًّا يَعْفِرُ الذَّنْبَ وَيَأْخُذُ بِهِ؟ عَفَرْتُ لِعَبْدِي، ثُمَّ مَكَتَ مَا شَاءَ اللَّهُ، ثُمَّ أَذْنَبَ ذَنْبًا، وَرُبَّمَا قَالَ: أَصَابَ ذَنْبًا، قَالَ: قَالَ: رَبِّ أَصَبْتُ - أَوْ قَالَ أَذْنَبْتُ - آخِرَ، فَأَعْفِرْهُ لِي، فَقَالَ: أَعْلِمَ عَبْدِي أَنَّ لَهُ رَبًّا يَعْفِرُ الذَّنْبَ وَيَأْخُذُ بِهِ؟ عَفَرْتُ لِعَبْدِي ثَلَاثًا، فَلْيَعْمَلْ مَا شَاءَ

[Al-Bukhari, *Kitab al-Tawhid*, Bab *Qawlihi Ta'ala Yuriduna an Yabdilu Kalam Allah*, no. 7507]

Maksudnya:

Sesungguhnya ada seorang hamba yang terjerumus ke dalam dosa, lalu ia berkata, “Wahai tuhanku, aku telah melakukan dosa, ampunilah aku.” Allah SWT menjawab, “Apakah hambaKu mengetahui bahawa ia memiliki Tuhan Yang Maha Mengampuni dosa dan akan menyiksa hambaNya? Ketahuilah, Aku telah mengampuninya.” Kemudian ia berhenti sesuai yang Allah SWT kehendaki. Lalu ia terjerumus lagi ke dalam dosa. Lalu ia berkata, “Wahai tuhanku, aku telah terjerumus ke dalam dosa yang lain, ampunilah aku.” Allah SWT menjawab, “Apakah hambaKu mengetahui bahawa ia memiliki Tuhan Yang Maha Mengampuni dosa dan akan menyiksa hambaNya? Ketahuilah, Aku telah mengampuninya.” Kemudian ia berhenti sesuai yang Allah SWT kehendaki. Lalu ia terjerumus lagi ke dalam dosa. Lalu ia berkata, “Wahai tuhanku, aku telah terjerumus dalam dosa yang lain, ampunilah aku.” Allah SWT menjawab, “Apakah hambaKu mengetahui bahawa ia memiliki Tuhan Yang Maha Mengampuni dosa dan akan menyiksa hambaNya? Ketahuilah, Aku telah mengampuninya.” Ini disebut tiga kali. Allah SWT menambahkan, “Lakukanlah semahu dia.”

Lafaz “Lakukanlah semahu dia” bermaksud Allah SWT dengan sifat Maha Pengampun akan mengampunkan dosa hamba itu jika dia memohon keampunan dengan sebenarnya biarpun kesalahan itu telah acap kali berulang (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2014). Telah diriwayatkan juga pelbagai hadis tentang *tarhib* atau ancaman Nabi SAW kepada mereka yang terlanjur melakukan dosa supaya seseorang itu mencegah, menjauhi dan tidak mengulangi kesalahan tersebut. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda:

إن العبد إذا أخطأ خطيئة نُكِبَتْ في قلبه نُكْتَةً سوداء فإذا هو نزع واستغفر وتاب سُقِلَ قلبه وإن عاد زيدَ فيها حتى تعلق قلبه
[Al-Tirmidhi, *Kitab Tafsir al-Quran, Bab Min Surah Wail Lil Mutaffifin*, No. 3334, *hasan sahih*]

Maksudnya:

Seseorang hamba itu jika dia melakukan dosa akan dititikkan titik hitam pada hatinya. Jika dia meninggalkan dosa tersebut dan bertaubat maka dihilangkan titik tersebut. Jika dia mengulangi bertambah titik itu sehingga menutupi hatinya.

Hadis ini menerangkan maksiat yang berulang akan menyebabkan hati menjadi hitam dengan titik tersebut. Hati yang hitam pula akan kalis cahaya iman dan hidayah sedangkan hati adalah raja segala anggota. Jika buruk, maka buruklah seluruh jasad. Oleh itu, dengan maksiat yang berulang dan seseorang individu yang tidak bertaubat akan menyebabkan dia semakin jauh dari rahmat dan petunjuk Allah SWT (al-Albani, 2000).

Di hari akhirat kelak setiap manusia akan diberi balasan mengikut amalannya di dunia. Syurga merupakan balasan buat orang yang mentaati Allah manakala neraka merupakan tempat pembalasan kepada mereka yang ingkar perintah Allah SWT. Hal ini sepertimana yang terkandung dalam sabda Nabi SAW:

كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَرَى، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَنْ يَأْتِي؟ قَالَ: «مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ عَصَانِي فَتَقَدَّ أُنِي
[Al-Bukhari, *Kitab al-I'tisam bi al-Kitab wal al-Sunnah, Bab al-Iqtida' bi al-Sunnah*. No. 7280]

Maksudnya:

Semua umat aku akan masuk syurga kecuali mereka yang enggan". Sahabat bertanya: "Siapakah yang enggan ya Rasulullah?" Baginda SAW menjawab: "sesiapa yang mentaati aku maka mereka masuk ke syurga, sesiapa yang mengingkariku maka merekalah yang enggan"."

Neraka merupakan tempat seksaan di akhirat kelak. Azab neraka telah digambarkan sebagai azab yang pedih dan tidak terperi. Hal ini menyebabkan Rasulullah SAW sentiasa memberi amaran kepada umatnya akan seksa tersebut. Diriwayatkan sabda Rasulullah SAW ketika berkhotbah dalam hadis yang sahih:

أَنْذَرْتُكُمْ النَّارَ، أَنْذَرْتُكُمْ النَّارَ، أَنْذَرْتُكُمْ النَّارَ. فَمَا زَالَ يُقُولُهَا

[Al-Darimi, kitab *al-Raqa'iq*, Bab *Fi Tahzir al-Nar*, No. 2854]

Maksudnya:

Aku memberi amaran kepada kalian akan neraka, aku memberi amaran kepada kalian akan neraka, aku memberi amaran kepada kalian akan neraka. Baginda terus menerus mengulangi ungkapan demikian.

Seterusnya, hadis yang diriwayatkan oleh Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda ketika menafsirkan surah *al-Tahrim* ayat 7:

أَوْقَدَ عَلَى النَّارِ أَلْفَ سَنَةٍ حَتَّى احْمَرَّتْ، ثُمَّ أَوْقَدَ عَلَيْهَا أَلْفَ سَنَةٍ حَتَّى اسْوَدَّتْ فَيُحِي سَوْدَاءَ مُظْلِمَةً.

[Al-Tirmidhi, *Kitab Sifat Jahannam*, bab *Ma Ja'a Anna Narakum Hadha...*, No. 2591, *mauquf*]

Maksudnya:

Api neraka dinyalakan seribu tahun sehingga berwarna merah, kemudian dinyalakan lagi seribu tahun sehingga berwarna putih, lalu dinyalakan lagi seribu tahun sehingga berwarna hitam yang likat.

Neraka disebut dalam al-Quran dan hadis dengan kata '*Nar*' kerana di dalamnya terdapat seksaan api yang sangat menyakitkan dan menggerunkan. Hadis ini memberi gambaran betapa panasnya api neraka kerana telah dinyalakan setelah begitu lama lalu berubah warna (Al-Sa'di, 2000). Hal ini dikuatkan lagi dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW:

نَارُكُمْ هَذِهِ الَّتِي يُوقَدُ بَنُو آدَمَ جُزْءَهُ وَاحِدٌ مِنْ سَبْعِينَ جُزْءًا مِنْ حَرِّ جَهَنَّمَ، قَالُوا: وَاللَّهِ إِنْ كَانَتْ لَكَافِيَةً يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: فَإِنَّهَا فَضَّلَتْ بِتِسْعَةِ وَسِتِّينَ جُزْءًا كُلُّهُنَّ مِثْلُ حَرِّهَا.

[Al-Tirmidhi, *Kitab Sifat Jahannam*, bab *Ma Ja'a Anna Narakum Hadha...*, No. 2589, *hasan sahih*]

Maksudnya:

Api kamu di dunia ini yang dinyalakan bani Adam adalah satu bahagian daripada tujuh puluh bahagian daripada kepanasan api neraka. Para sahabat lalu berkata: "Demi Allah sesungguhnya ia telah mencukupi! (kepanasannya)" Baginda SAW bersabda lagi: "Sesungguhnya ia lebih panas dengan enam puluh sembilan bahagian, setiap daripadanya dengan kepanasannya".

Kaedah *targhib* dan *tarhib* telah diimplimenkan pada dakwah Nabi SAW dalam memimpin umatnya. Berdasarkan konsep ini, pandangan hadis terhadap pelaku dosa seperti penagih dadah dapat difahami dengan baik. Islam memberi ancaman atau *tarhib* terhadap individu yang ingin mencuba melakukan dosa ataupun ingin mengulangi perbuatan dosa. Islam juga memberi galakan atau *targhib* kepada mereka yang telah melakukan dosa supaya kembali ke pangkal jalan. Kedua pendekatan ini saling melengkapi dan bertujuan membimbing dan memberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat kepada pelaku tersebut.

7. Kesimpulan

Penagih dadah merupakan golongan yang wajib didekati. Mereka memerlukan bimbingan, motivasi dan kaunseling dalam proses untuk pulih daripada ketagihan. Penerimaan dan persepsi masyarakat yang negatif menyebabkan proses ini gagal. Akibatnya, gejala relaps dan pertambahan penagih dadah tidak dapat dibendung. Islam sebagai agama yang lengkap dan rahmat kepada segenap alam telah menyediakan panduan berkenaan hal ini. Penagih dadah tidak wajar disisih atau dilihat dengan pandangan yang jelik bahkan harus diberi peluang dan harapan untuk sembuh sepertimana yang ditekankan oleh baginda Nabi SAW. Semoga dengan bimbingan hadis dalam perkara ini akan memahamkan masyarakat akan pandangan Islam yang sebenar terhadap penagih dadah serta bagaimana pendekatan yang paling sesuai dan berhikmah.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian bertajuk *Modul Psikospiritual Nabawi Bagi Pemulihan Dadah di Pusat Serenti (Agensi Anti Dadah Kebangsaan)*. Penulis mengisytiharkan penerimaan sokongan kewangan daripada pihak berikut untuk penyelidikan, karangan, dan / atau penerbitan artikel ini. Artikel ini di bawah sokongan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS bagi kod dana Geran Penyelidikan Insentif KUIS: 2018/P/GPIK/GPP-003.

RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Aziz, S. 1996. *Uslub al-Targhib fi Dakwah al-Nabi*. Riyadh: Wizarah Ta’lim al-Ali Jamiah al-Imam.
- Abdul Kadir, F. A., Paad, N. S. & Abd. Ghapar, M. N. (2013). Salah laku remaja dan asas penyelesaiannya menurut perspektif Islam. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*, Kuala Terengganu.
- Abdul Razak, D. (1998). *Dadah: Pandangan Islam*. Pulau Pinang: Pusat Racun Negara.
- Abu Dawud, S. (2009). *Sunan Abi Dawud*. Damsyik: Dar Risalah Alamiyyah.

- Al-Albani, N. (2000). *Sahih Al-Targhib Wa Al-Tarhib*. Riyadh: Maktabah al-Maarif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Bukhari, M. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Darimi, A. (2000). *Musnad al-Darimi*. Riyadh: Dar al-Mughni li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Ghazali, A. H. (1993). *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, A. H. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali, M. (1965). *Fiqh Sirah*. Kaherah: Dar Kitab al-Hadisah.
- Al-Haithami, A. (1994). *Majma' Zawa'id wa Manba' Fawa'id*. Kaherah: Maktabah al-Qudsi.
- Ali, J., Hassan, S., & Karim, N. A. H. A. (2008). Kos ekonomi penyalahgunaan dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, (1-14).
- Ali, M. (2009). *Memahami Penagihan Dadah Dari Prespektif Islam*. Brunei: Pusat Dakwah Islamiah.
- Al-Munziri, A. (2003). *Al-Targhib wa al-Tarhib*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiah.
- Al-Qaradawi, Y. (1997). *Al-Halal wal al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Y. (2002). *Kaifa Nataamal Ma'a Sunnah Nabawiyyah*. Oman: Dar al-Shuruq.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sa'di, A. R. (2000). *Tafsir Al-Sa'di*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tirmidhi, M. (1998). *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Zuhaili, M. (2006). *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Qatar: Wizarah Awqaf wa Syuun Islamiyyah.
- Anon. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia*. Cet: Kelima. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Anon. (2016). *Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2015*. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Anon. (2017). *Buku Dasar Dadah Negara*. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Anon. (2018). *Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2017*. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Aziz, A. (2018). *Konsepsi Manajemen Kompensasi Guru Menurut Al-Ghazali*. Latihan Ilmiah. Surakarta: Institut Agama Islam Negeri (IAIN).
- Baharom, N., et. al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanbal, A. (1995). *Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Hussin, K. et. al. (2008). Kajian Pengaruh Dadah Dalam Kalangan Pelajar Baru Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Antidadah Malaysia* (1-12).
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. (2014). *Bulughul Maram Min Adilati wal Ahkam*. Riyadh: Dar al-Qabs.
- Ibn Majah, K. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Dar Ihya Kutub Arabi.
- Ibn Taimiyyah, A. (2005). *Majmu' al-Fatawa*. Iskandariah: Dar al-Wafa'.
- Ibrahim, F., et. al. (2017). Faktor-Faktor Penyumbang Ketahanan Diri Penagih Untuk Pulih Bebas Dadah (Resilience Factors Among The Former Drug Users to Remain Drug-Free). *e-Bangi*, 14(1).
- Jailani, M. R. & Osman, A. B. (2015). Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan Dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community). *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*(1-12).
- Johdi Salleh, M. (2012). Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor. University Malaysia of Terengganu: *International Seminar on Community Development (SAPKO)*.

- Kearney, M., et. al. (2019). Primary Prevention of Prescription Drug Misuse Among Culturally and Linguistically Diverse Suburban Communities. *Journal of community health*, 44(2), 238-248.
- Makhluf, H. (1951). *Fatawa Syar'iyah wa Buhuth Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Mohamed, M. N. (2006). *Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohamed, M. N., Din, M. S. C. & Ishaq, I. (1998). Treatment of drug dependents in the traditional setting: the case of Inabah. *Pakistan Journal of Psychological Research*, 13(3-4).
- Muslim, H. (2006). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya Turath Arabi.
- Noor, N. M., & Kamarudin, N. (2015). Kerinduan Atau Ketagihan Terhadap Dadah Punca Belia Kecundang Dan Kembali Menagih. *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)* (1-16).
- Ruslan, S. F. F. (2009). *Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Remaja*. Tesis Kedoktoran. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Taharem, A. Z. (2004). *Menangani Penyalahgunaan Dadah Menurut Islam*. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- Taib, A. G. (2005). *Bersama Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sri Kenanga.
- Talib, M. A., & Abdollahi, A. (2017). Spirituality moderates hopelessness, depression, and suicidal behavior among Malaysian adolescents. *Journal of religion and health*, 56(3), 784-795.
- Tunggak, B., et. al. (2015). Faktor risiko belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan belia Muslim terpimpin. *Jurnal Antidadah Malaysia*, Jil. 9.
- Wazir, R. (2018). Hadis dan Tasawuf: Satu Sorotan Terhadap Sharḥ Al-Taftāzānī ‘Alā Ahādīth Al-Arba‘īn Al-Nawawīyyah. *HADIS*, 18-36.
- Yusof, M. I. & Saadon, S. A. (2015). Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah Melalui Intervensi Kerohanian: Kajian Pelaksanaan Program 2011-2015. *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)* (1-4)

AUTHOR'S BIOGRAPHY

Rosni Wazir, merupakan pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. Beliau menyambung pelajaran di peringkat Matrikulasi di Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, peringkat Ijazah Sarjana Muda di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan seterusnya di peringkat sarjana di Universiti yang sama. Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dengan kepakaran Pengajian Hadis dan Nusantara. Beliau pernah menjawat Pengarah di Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD) KUIS, melibatkan diri di dalam kajian berkaitan dengan pengajian hadis, golongan anti hadis dan pengajian hadis di IPT. Beliau telah menghasilkan artikel-artikel berkaitan bidang yang sama. Kini, beliau adalah Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan) di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. Beliau boleh dihubungi di: rosniwazir@kuis.edu.my

